

08/07/2001

Malaysia boleh disifatkan negara Islam: Dr M

MALAYSIA boleh disifatkan sebuah negara Islam kerana pemerintahannya adil kepada semua kaum dan penganut agama lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Umno tidak menolak negara Islam tetapi cuma menganggap negara ini juga adalah ditadbirkan sebagai negara Islam, kerana dalam negara Islam ia turut memberi kebebasan kepada agama lain.

"Agama Islam menyuruh kita melayan kaum yang lain secara adil. Sebab itu kita mendakwa kita juga sudah menjadi negara Islam tanpa menjejaskan hak kaum dan penganut agama lain.

"Rakyat Malaysia bebas untuk menganuti agama lain. Sebab itu kita ada bukan saja masjid, malah gereja dan kuil," katanya ketika menggulung perbahasan di akhir Konvensyen BN selama sehari di sini, semalam.

Beliau berkata, kerajaan BN menjamin hak istimewa orang Melayu tetap terjamin tetapi pada masa yang sama hak kaum lain tidak dirampas.

Katanya, BN memberi pertimbangan kepada semua kaum termasuk pengagihan kekayaan menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan membesarkan kek ekonomi untuk diagihkan secara saksama, tanpa merampas kekayaan orang lain.

Dr Mahathir berkata, Umno baru-baru ini mengesyorkan supaya diadakan perjumpaan antara parti itu dan Pas untuk membincang soal perpaduan Melayu, bukan untuk menentang kaum lain.

"Niat kita hanya untuk mempertahankan apa yang sudah termaktub di dalam perlembagaan yang sudah dipersetujui semua kaum. Kita bukan bersandiwara seperti Pas. Apabila kita cadang perbincangan mengenai perpaduan Melayu, maka mereka menolak kononnya mereka lebih utamakan perpaduan nasional iaitu perpaduan semua kaum.

"Perpaduan semua kaum tidak perlu diusahakan oleh Pas kerana itu telah dijayakan dengan usaha BN. Oleh itu tidak perlu Pas bersandiwara mengenai perpaduan nasional ini.

"Kita tahu hasrat Pas...satu pihak nak kepada perpaduan nasional, di pihak yang satu lagi merancang kononnya untuk mendirikan negara Islam corak Pas," katanya.

(END)